



# **KULIM (MALAYSIA) BERHAD**

## **POLISI INSAN**

Anggota pekerja kami adalah keutamaan kami. Kami komited kepada pembangunan anggota pekerja kami bagi memastikan kejayaan kerjaya mereka, yang akan memberi manfaat segera mahupun jangka panjang kepada organisasi dan pemegang kepentingan, dan memastikan masa depan yang mapan bagi Kumpulan:-

Kami akan melayan anggota pekerja kami dengan rasa hormat, adil dan bermaruah.

Kami akan berusaha untuk menarik, membangun dan mengekalkan anggota pekerja yang berkelayakan, kreatif dan inovatif, dengan:

- ❖ Menyediakan tempat kerja yang menarik, dan selamat melalui nilai, tanggungjawab sosial, amalan bisnes beretika dan kejayaan bisnes.
- ❖ Memastikan bahawa anggota pekerja kami memahami dengan jelas visi, misi, nilai dan polisi pentadbiran bisnes kami.
- ❖ Memastikan bahawa anggota pekerja kami memahami dengan jelas keinginan, keperluan dan harapan para pemegang kepentingan
- ❖ Memastikan supaya anggota pekerja kami diberi cabaran untuk mencapai sasaran yang realistik dan diberikan mandat untuk membuat keputusan yang diperlukan.
- ❖ Menyokong keperluan dan harapan anggota pekerja kami bagi mengembang dan mengukuhkan kemahiran, ilmu pengetahuan, kelayakan dan kerjaya mereka.
- ❖ Berusaha menawarkan kepada anggota pekerja ganjaran yang setimpal, terma penjawatan yang menarik dan persekitaran kerja yang selamat.
- ❖ Membangunkan struktur organisasi yang mendorong meningkatkan keupayaan para pekerja dan mencipta suasana korporat yang akan merangsang penampilan potensi sebenar mereka sebagai seorang individu dan juga sebagai satu pasukan di dalam Kumpulan.

Yang paling utama, kami akan berusaha gigih untuk menjadikan setiap kerja dan usaha yang dilakukan oleh anggota pekerja kami penuh bermakna di mana pada akhirnya diterjemahkan dalam bentuk sumbangan nilai yang kukuh yang akan membawa kebaikan kepada komuniti dan masyarakat secara keseluruhan.

Diluluskan Oleh:

ZULKIFLY ZAKARIAH

Pengarah Eksekutif

01 Mei 2018